

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN / BENGKEL / SEMINAR / KURSUS / FORUM / KOLOKIUM / SIMPOSIUM DI DALAM / LUAR NEGARA**

### **1.0 TUJUAN**

Tujuan Garis Panduan Permohonan Menghadiri Persidangan / Bengkel / Seminar / Kursus / Forum / Kolokium / Simposium di Dalam / Luar Negara dibuat adalah bagi menetapkan satu peraturan permohonan menghadiri persidangan dengan menggunakan peruntukan geran penyelidikan.

### **2.0 PANDUAN**

- 2.1 Kelayakan menghadiri Persidangan / Bengkel / Seminar / Kursus / Forum / Kolokium / Simposium di dalam / luar Negara adalah berdasarkan kriteria dan syarat penyelidikan yang ditetapkan oleh Agensi Pembiaya dan Universiti.
- 2.2 Perbelanjaan peruntukan menggunakan geran penyelidikan adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh Agensi Pembiaya.
- 2.3 Pemohon yang menggunakan peruntukan geran penyelidikan perlu mengemukakan permohonan menghadiri Persidangan / Bengkel / Seminar / Kursus / Forum / Kolokium / Simposium di dalam / luar Negara kepada PPPI berserta dengan dokumen sokongan. Pemohon perlu menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh Jabatan Pendaftar. Permohonan perlu dimajukan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) tiga (3) bulan sebelum tarikh persidangan. Artikel yang lengkap hendaklah disertakan.
- 2.4 Setiap permohonan perlu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Persidangan FPJB sebelum dikemukakan ke PPPI bagi tujuan pengesahan kualiti dan implikasi kewangan. Bagi staf akademik, permohonan tersebut akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Persidangan Universiti.
- 2.5 Semua permohonan perlu mendapatkan perakuan dan sokongan Ketua Jabatan / Dekan pada borang permohonan dan dimajukan kepada PPPI berserta dokumen sokongan. Permohonan yang tidak diperakuan oleh Ketua Jabatan / Dekan tidak akan diproses dan dipulangkan semula kepada pemohon.
- 2.6 Sekiranya berlaku pembatalan bagi perjalanan menghadiri Persidangan / Bengkel / Seminar / Kursus / Forum / Kolokium / Simposium di dalam / luar Negara sama ada oleh pihak pengajur atau pemohon sendiri, makluman secara bertulis perlu dihantar kepada PPPI dengan kadar segera.
- 2.7 Semua pemohon adalah tertakluk kepada peraturan kewangan seperti yang ditetapkan oleh Universiti dan kegagalan pemohon untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan surc妖.

2.8 Pembiayaan melalui belanja mengurus PPPI atau geran Jangka Pendek hanya akan dipertimbangkan untuk prosiding berindeks (SCOPUS/WOS) sahaja.

2.9 Pembayaran melalui geran penyelidikan juga perlu mengutamakan persidangan dengan prosiding berindeks (SCOPUS/WOS).

**3.0 MAKLUM BALAS MENGHADIRI PERSIDANGAN / BENGKEL / SEMINAR / KURSUS / FORUM / KOLOKIUM / SIMPOSIUM**

3.1 Maklum balas berserta bukti pembentangan / kehadiran Persidangan / Bengkel / Seminar / Kursus / Forum / Kolokium / Simposium perlu disediakan oleh pemohon dan dikemukakan kepada PPPI dalam tempoh sebulan selepas menghadiri persidangan.

3.2 Artikel yang dibentangkan perlu dimajukan ke perpustakaan untuk penyimpanan.

<b>Rekod Kelulusan</b>	
LPU	<b>Bil 1/2016 – 26 Februari 2016</b>
Senat	<b>Bil 7/2015 – 24 November 2015</b>
JPIU	<b>Bil 3/2015 – 19 November 2015</b>